

MSM, JAS jalin kerjasama laksana inisiatif hijau pulihara alam sekitar

MSM Malaysia Holdings Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, MSM Prai Bhd (MSM Prai) menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang bagi pelancaran inisiatif hijau dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

Sijil Jalinan Kerjasama dimesterai hari ini oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, manakala JAS Negeri Pulau Pinang diwakili Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab.

Pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia itu memulakan inisiatif berkenaan dengan membabitkan kerjasama strategik di antara JAS Negeri Pulau Pinang dan Persatuan Kebajikan Nelayan-Nelayan Pulau Pinang (PIFWA) melalui pelancaran program penanaman pokok bakau yang diadakan, semalam.

Penanaman pokok bakau dianggap sebagai pendekatan mesra alam berkenaan, yang mana ia memberikan manfaat kepada pemuliharaan ekosistem yang meluas termasuk melindungi kualiti air, mengukuhkan tebing sungai, menjaga habitat ikan serta menjadi penyumbang kepada pengurangan perubahan iklim.

Selain itu, mata pencarian penduduk tempatan turut bergantung kepada kesejahteraan ekosistem khususnya sektor perikanan.

Sebanyak 700 anak pokok bakau akan ditanam sepanjang pesisir kilang MSM Prai serta membantu menambahbaik landskap persekitaran setempat.

Syed Feizal dalam satu kenyataan berkata, kerjasama strategik itu sebahagian daripada program kelestarian MSM sebagai asas kepada rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Beliau berkata, keseimbangan di antara operasi perniagaan dan pemeliharaan alam sekitar akan menjamin kehidupan sosioekonomi yang lebih mampan serta kelangsungan yang lebih baik bagi masa hadapan komuniti berdekatan.

“Justeru, sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, MSM amat terdorong dalam memberikan impak kelestarian yang positif melalui pelbagai inisiatif yang meluas,” katanya.

Syed Feizal berkata, operasi penapisan gula di MSM Prai terletak berdekatan pinggiran sungai, yang mana air sungai digunakan untuk proses penyejukan.

Justeru, beliau berkata, jaringan akar pokok bakau yang padat serta tumbuhan sekitar memainkan peranan sebagai penghadang semula jadi bagi memerangkap dan menapis enapan, logam berat dan lain-lain bentuk pencemaran daripada memasuki pam suntikan air di kilang berkenaan, yang mana ia adalah keperluan mengekalkan kualiti air.